



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN MENUTUP TAHUN 2019 DENGAN PENCAPAIAN SANGAT MEMBERANGSANGKAN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merupakan sebuah agensi pembiayaan pendidikan utama negara di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang setiap tahun sentiasa menambahbaik fungsi dan perkhidmatan kepada pelanggan meliputi peminjam dan pendeposit serta masyarakat.
2. Walaupun tahun 2019 merupakan tahun yang mencabar dengan suasana ekonomi yang muram dan pelbagai tekanan yang diterima, namun PTPTN masih mampu melaksanakan tanggungjawab dan berperanan untuk melahirkan modal insan berpendidikan dan profesional kepada negara.
3. Sehingga 30 November 2019, PTPTN telah membantu seramai 172,863 pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melalui pinjaman pendidikan yang disediakan. Daripada jumlah tersebut seramai 78,755 pelajar (46%) telah dibantu oleh PTPTN untuk mengubah taraf hidup keluarga dengan merealisasikan cita-cita mereka ke menara gading kerana mereka merupakan golongan B40 yang kurang berkemampuan.
4. PTPTN juga terus dapat meningkatkan budaya membayar balik pinjaman di kalangan peminjam. Ini dibuktikan dengan berlakunya peningkatan prestasi bayaran balik daripada 81.3 % pada 31 Disember 2018 kepada 82.5% pada 30 November 2019.
5. Bagi tahun 2019, PTPTN telah menetapkan sasaran kutipan bayaran balik sebanyak RM2 bilion dan sehingga 30 November 2019 sebanyak RM2.07 bilion telah berjaya dikutip di mana ia melebihi sasaran yang ditetapkan. PTPTN menjangkakan angka ini akan terus meningkat sehingga akhir tahun ini.
6. Bagi pelaksanaan manifesto Kerajaan, PTPTN secara bersungguh telah melaksanakan 75% iaitu tiga (3) daripada empat (4) manifesto merangkumi:
 - i. Pelajar yang cemerlang daripada keluarga berpendapatan rendah diberikan diskaun bayaran yang setimpal ataupun hutang akan dilupuskan seluruhnya;

- ii. Insentif cukai diberi kepada majikan yang membantu membuat bayaran balik tanpa memotong gaji pekerja terbabit; dan
 - iii. Memansuhkan dasar senarai hitam ke atas peminjam.
- 7. Pelaksanaan tersebut telah berjaya dibuat dengan segera memandangkan ia melibatkan bidang kuasa di pihak PTPTN. Penangguhan pembayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang mendapat gaji kurang dari RM4,000 sebulan masih belum dapat dilaksanakan kerana melibatkan perkara di luar bidang kuasa PTPTN di samping mempunyai implikasi yang besar kepada kewangan negara. PTPTN telah melaksanakan tindakan yang sewajarnya termasuk mengadakan sesi libat urus dan rundingan dengan pihak berkepentingan.
- 8. Selaras dengan halatuju masa hadapan untuk membudayakan amalan menyimpan berbanding meminjam bagi tujuan pendidikan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), instrumen simpanan ini telah memperoleh keuntungan pelaburan terkumpul bagi tahun 2019 berjumlah RM151.50 juta setakat sukuan ketiga tahun ini. Prestasi tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 25.9% berbanding sebanyak RM120.33 juta bagi tempoh yang sama tahun 2018. PTPTN menjangkakan pada sukuan keempat keuntungan pelaburan terkumpul akan terus menunjukkan prestasi yang cemerlang.
- 9. Untuk rekod pencapaian SSPN sehingga 30 November 2019, jumlah deposit adalah sebanyak RM798.00 juta berbanding RM671.97 juta pada tempoh yang sama tahun 2018. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM126.03 juta atau 18.76%, sekali gus menjadikan deposit SSPN terkumpul keseluruhan sehingga November 2019 berjumlah RM5.30 bilion.
- 10. Sehingga 30 November 2019 sebanyak 404,676 akaun baharu SSPN telah dibuka. Secara keseluruhan, sebanyak 4.32 juta akaun SSPN telah dibuka sejak dilancarkan pada tahun 2004.
- 11. Selain masih dapat mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2015, PTPTN terus melakar sejarah sepanjang tahun 2019 ini apabila telah diberi beberapa anugerah dan pengiktirafan daripada pelbagai agensi dan persatuan terkemuka di Malaysia. Anugerah dan pengiktirafan tersebut meliputi:
 - i) Social Media Excellence - Education Support sempena Malaysia Social Media Week (MSMW) 2019;
 - ii) Industry Excellence in Education Support dan Emerging Woman Leader sempena Global Leadership Awards (GLA) 2019;
 - iii) Top DirectDebit Merchant sempena Malaysian e-Payments Excellence Awards (MEEA) 2019;
 - iv) 5 Bintang untuk Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2019 oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK); dan
 - v) Special Award - Campaign of The Year dan Gold Award: Crisis or Issues Management sempena Malaysia PR Awards 2019.

12. Mengulas pencapaian 2019, Pengerusi PTPTN, Wan Saiful Wan Jan berkata, “Pencapaian cemerlang ini adalah hasil dedikasi para pegawai PTPTN semua peringkat yang berusaha gigih menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dipandu oleh Ahli Lembaga Pengurusan serta Pengurusan Tertinggi PTPTN yang dipimpin oleh Puan Mastura Mohd Khalid selaku Pemangku Ketua Eksekutif, PTPTN. Mereka sentiasa komited memberikan sumbangan serta pengalaman intelektual dan profesional.”
13. “Harapan PTPTN untuk tahun 2020 adalah untuk terus menambahbaik penyampaian perkhidmatan ke arah yang lebih bersepadu serta memenuhi tahap kepuasan dan ekspektasi pelanggan yang lebih optimum, demi menjayakan agenda Kemakmuran Bersama,” tambahnya.

**Wan Saiful Wan Jan
Pengerusi
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

30 Disember 2019